

HUBUNGAN TAHAP KEFAHAMAN DAN PENGAMALAN SOLAT FARDU TERHADAP HASIL PEMBELAJARAN KURSUS FIQH AL-IBADAT DALAM KALANGAN PELAJAR-PELAJAR UNIVERSITI SULTAN AZLAN SHAH (USAS)

Mustaqim Roslan, M. (Corresponding Author)

Fakulti Pengajian Islam & Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.

Tel: +6014-5191337 E-mail: muhd.mustaqim@usas.edu.my

Anwar Osman, Z.

Fakulti Pengajian Islam & Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.

Tel: +6012-4054232 E-mail: anwar.osmanzainuri@usas.edu.my

Abstrak

Solat adalah tiang agama dan ia merupakan kunci kepada ganjaran pahala dan syurga. Solat Fardu mula diwajibkan ke atas umat Islam selepas kewajipan solat malam qiamullail bersandarkan kepada dalil al-Quran dalam surah al-Muzammil, ayat 1-2. Kewajipan solat malam ini mula diringankan secara berturut-turut dengan Solat Fardu bermula dengan 50 waktu hingga menjadi 5 waktu dalam peristiwa Israk dan Mikraj. Namun begitu, pengamalan Solat Fardu ini nampaknya kurang memuaskan khususnya dalam kalangan remaja apabila statistik menunjukkan bahawa seramai 80% remaja Islam di sekolah rendah dan menengah di Malaysia masih tidak menyempurnakan Solat Fardu. Oleh yang demikian, kajian ini diketengahkan untuk mengenal pasti hubungan tahap kefahaman dan pengamalan Solat Fardu dalam kalangan pelajar Universiti Sultan Azlan Shah (USAS). Kajian Kuantitatif diadaptasikan dalam kajian ini sebagai reka bentuk kajian dengan kaedah tinjauan melalui borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Pensampelan bertujuan dengan seramai 75 orang responden dijadikan sampel dari jumlah populasi seramai 94 orang dalam kajian ini. Semua dokumen, buku, kertas kerja, artikel jurnal, pangkalan data dan sebagainya turut dijadikan sebagai sampel bagi menyokong data kajian. Perisian SPSS digunakan dalam menganalisis data kajian dengan huraian statistik deskriptif bertujuan untuk membuat kesimpulan berdasarkan data-data numerikal. Hasil dapatan menunjukkan bahawa hasil pembelajaran kursus bagi kursus Fiqh al-Ibadat (SYI4063M) yang dipelajari oleh para pelajar USAS pada awal semester adalah berada pada tahap kefahaman yang tinggi khususnya dalam bab Solat Fardu. Bacaan min yang diperoleh adalah 4.73 dengan sisihan piawai ialah 0.29. Namun begitu, tahap pengamalannya tidak menunjukkan keselarian pada aras analisis skala apabila bacaan minnya hanya berada pada tahap yang rendah iaitu 2.95 dengan bacaan sisihan piawai ialah 0.27.

Kata kunci: Fiqh al-Ibadat, hasil pembelajaran, kefahaman, pengamalan, Solat Fardu.

Abstract

Prayer is the pillar of the religion of Islam and is the key to divine reward and entry to heaven. The obligation of certain prayers on Muslims occurred after the obligation of qiyam al-layl (night prayers) based on the Qur'an in surah al-Muzammil, in the first two verses. This liability started to

be lessened progressively with the obligatory prayers starting with 50 times to just 5 in the events of Isra' and Mi'raj. However, the practice of this obligatory prayers seems to be less satisfactory especially among teenagers as statistics show that as many as 80% of Muslim teenagers in primary and secondary schools in Malaysia still do not fulfill the prayers. Therefore, this study aims to identify the relationship between the level of understanding and the practice of obligatory prayers among the students of Sultan Azlan Shah University (USAS). Quantitative framework is adapted in this study as a research design with a survey method which used questionnaire as its instrument. Purposive sampling equates to a total of 75 respondents from the total population in this study. Documents, books, working papers, journal articles, databases and so on were also purposed as supporting research data. SPSS software was used for analyzing the data with descriptive statistics to draw conclusions based on the numerical data. The results show that the learning outcomes of the Fiqh al-Ibadat course (SYI4063M), studied by USAS students at the beginning of the semester are at a high level of understanding, especially in the topic of obligatory prayers. The mean reading obtained was at 4.73 with a standard deviation of 0.29. However, the level of practice isn't parallel at the level of scale analysis as the mean reading is only at a low level of 2.95 with a standard deviation reading of 0.27.

Keywords: *Fiqh al-Ibadat, learning outcome, understanding, practice, obligatory prayers.*

PENGENALAN

Solat Fardu merupakan ibadat khusus yang wajib dilakukan oleh semua penganut beragama Islam tanpa terkecuali. Ia adalah salah satu daripada rukun Islam yang wajib ditunaikan oleh semua umat Islam yang waras, berakal dan telah baligh (Siti Zaleha et al. 2016). Kewajipan ini menjadi kemestian kepada semua umat Islam walaupun berada dalam keuzuran dengan cara dan kaedah yang telah digariskan oleh syarak. Ini bertepatan dengan kebanyakan dalil yang telah termaktub di dalam al-Quran dan al-Sunnah sebagai asas kewajipannya. Namun, selaras dengan Islam itu agama yang penyayang, kewajipan Solat Fardu ini dikecualikan kepada dua golongan tertentu atas alasan-alasan seperti mengalami pengsan, gila sehingga terlepas waktu solatnya dan perempuan yang didatangi haid atau nifas (Hilmi, 2010). Selain daripada dua golongan ini, kewajipan Solat Fardu itu adalah kekal bersumberkan dalil yang qat'i di dalam al-Quran yang bermaksud:

“Dan dirikanlah kamu akan solat dan keluarkanlah zakat dan rukuklah kamu semua bersama-sama orang yang ruku’” (Q.S. Al-Baqarah: 2: 43)

Namun begitu, pengamalan Solat Fardu dalam kalangan umat Islam nampaknya menunjukkan aras kebimbangan apabila hanya sekitar 17 hingga 20 peratus sahaja yang menunaikan Solat Fardu cukup lima waktu dalam sehari (Abdul Ghani, 2004). Fadzilah Kamsah (2004) juga turut mendedahkan bahawa sebanyak 80% remaja Islam di Sekolah Rendah dan Menengah di Malaysia masih tidak menyempurnakan Solat Fardu. Peratusan angka ini melalui tinjauan beliau menerusi program-program ceramah dan motivasi di seluruh negara serta pemerhatian terhadap gaya hidup remaja Islam masa kini. Ini berkemungkinan terjadi adalah disebabkan penghayatan kepada kewajipan solat yang masih rendah dan pelaksanaan solat yang dianggap bukan keutamaan oleh golongan remaja (Sharifah Nur, 2012).

Golongan remaja dalam kalangan pelajar Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) juga turut tidak kurang hebatnya. Ini kerana hasil tinjauan menunjukkan pengamalan Solat Fardu dalam kalangan pelajar USAS adalah tidak memuaskan khususnya pada waktu Zohor yang merupakan

waktu rehat pelajar. Rata-rata jemaah yang memenuhi ruang solat di masjid ketika waktu itu kebanyakannya adalah dari orang luar iaitu orang awam dan staf USAS sahaja. Kebarangkalian untuk pelajar menunaikan solat di kawasan penginapan mereka adalah rendah kerana waktu rehat yang singkat untuk ke kelas seterusnya selepas itu tidak memungkinkan mereka pulang ke kawasan penginapan. Adalah lebih mendukacitakan apabila terdapat pelajar yang mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang solat tetapi tidak melaksanakan solat dengan konsisten (Bidin, 2016). Oleh yang demikian, artikel ini diketengahkan bagi menjawab satu persoalan kajian iaitu:

1. Apakah hubungan tahap kefahaman dan pengamalan Solat Fardu terhadap hasil pembelajaran Fiqh al-Ibadat dalam kalangan pelajar Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)?

SOROTAN KAJIAN

Dalam memperkemas lagi perbincangan kajian ini, pengkaji telah menyoroti beberapa kajian lepas agar kajian ini mampu disokong dari sudut isi kandungan dan metodologi yang digunakan. Pengkaji mulakan dengan kajian pertama yang disoroti pengkaji di bawah tajuk "*Penghayatan Solat dan Pengimarahannya Masjid: Kajian dalam Kalangan Pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM)*" oleh Shukri Ahmad, Yahya Don, Wan Abdul Rahman Khudri Wan Abdullah, Madiha Mohammed Ibrahim dan Shahril Fazli Mat Hussain (2014). Objektif kajian ini ialah untuk meneliti tahap penghayatan dan pengimarahannya masjid dalam kalangan pelajar UUM di samping mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penghayatan dan pengimarahannya masjid. Kaedah Kuantitatif turut digunakan dalam kajian ini melalui edaran borang soal selidik. Hasil dapatan menunjukkan tahap penghayatan solat dan pengimarahannya masjid dalam kalangan pelajar UUM adalah rendah. Manakala pelaksanaan solat bagi mereka adalah tidak dianggap penting dan bukan menjadi satu keutamaan. Walaupun sampel kajian ini juga ialah pelajar-pelajar universiti, namun perbincangannya adalah lebih terarah kepada tahap kefahaman solat dan pengimarahannya masjid. Adapun kajian ini adalah berfokus kepada hubungan tahap kefahaman dan pengamalan Solat Fardu.

Manakala kajian lain berjudul "*Kefahaman, Pelaksanaan dan Penghayatan Solat Bakal Guru*" oleh Sumaiyah Sulaiman, Rahaila Omar, Mahawa Pilus dan Abd Rashid Zainal (2013) turut disoroti pengkaji. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap kefahaman, pelaksanaan dan penghayatan solat bakal guru ke arah membantu membina jati diri mereka sebagai penghuni kolej kediaman. Kajian ini telah menggunakan reka bentuk kuantitatif melalui edaran soal selidik untuk mendapatkan data. Hasil dapatan menunjukkan bahawa tahap kefahaman dan pelaksanaan solat bakal guru berada pada aras tinggi tetapi aspek penghayatan solat pelajar berada pada tahap sederhana. Walaupun kajian ini agak mirip dengan kajian pengkaji pada sudut perbincangannya, namun ia lebih terarah kepada tiga aspek yang diuji iaitu kefahaman, pelaksanaan dan penghayatan. Adapun pengkaji hanya mengkaji berkaitan hubungan antara dua aspek sahaja iaitu tahap kefahaman dan tahap pelaksanaan dalam kalangan pelajar universiti.

Dan terakhir ialah kajian Sharifah Nur Abu (2012) dalam kajiannya berjudul "*Pengamalan Solat Fardhu dalam Kalangan Pelajar Politeknik Kuching Sarawak*" turut disoroti pengkaji. Objektif kajian ini ialah untuk mengetahui tahap kefahaman pelajar Politeknik Kuching Sarawak (PKS) terhadap kepentingan dan pengamalan ibadat solat dalam kehidupan seharian mereka serta hubungannya dengan pencapaian pelajar. Kajian ini mengadaptasikan kajian kuantitatif melalui borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Hasil dapatan menunjukkan bahawa responden mengetahui dan memahami tentang kepentingan solat, namun tahap pengamalan dalam melaksanakan solat masih kurang memuaskan. Selain daripada skop tempat yang menjadi perbezaan dengan kajian pengkaji, kajian ini turut melihat hubungan pengamalannya dengan

pencapaian pelajar. Adapun kajian pengkaji adalah berfokus kepada perbincangan hubungan antara tahap kefahaman dan pengamalannya.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian adalah merujuk kepada cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan oleh pengkaji untuk memastikan objektif dan matlamat kajian tercapai. Oleh yang demikian, dalam mengemukakan kaedah pelaksanaan kajian ini, pengkaji telah menggariskan beberapa aspek penting dalam metodologi kajian seperti reka bentuk kajian, prosedur pengumpulan dan teknik analisis data, pensampelan serta instrumen kajian. Dalam reka bentuk kajian ini, pengkaji telah memilih pendekatan kuantitatif dalam adaptasi reka bentuk kajian. Kajian ini adalah kajian kuantitatif jenis tinjauan dengan menggunakan responden yang ramai. Ia berasal daripada perkataan '*quantity*' atau '*quantify*' iaitu sesuatu yang boleh dikira, diukur, dinilai dengan nombor. Ia juga merupakan satu proses kajian untuk menghasilkan sesuatu laporan ilmiah bagi menyelesaikan masalah mengikut disiplin-disiplin tertentu (Darusalam & Hussin, 2021).

Kaedah pengumpulan data yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah melalui instrumen soal selidik yang diadaptasi daripada kajian lepas. Selain itu juga, analisis kandungan dokumen turut digunakan bagi menyokong data yang diperolehi pengkaji di lapangan. Kaedah ini dapat membantu pengkaji mendapatkan maklumat daripada rujukan yang berbentuk dokumen, buku, keratan akhbar, majalah, kertas kerja, jurnal, pangkalan data dan sebagainya (Maxwell, 1996). Antara data-data yang akan dikumpulkan oleh pengkaji dalam mencapai objektif kajian ialah Data Primer dan Data Sekunder. Untuk mendapatkan data primer ini, pengkaji menggunakan kaedah lapangan iaitu kaedah soal selidik dengan skop responden yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Dalam borang soal selidik, data kajian dikumpulkan pengkaji dan diukur menggunakan skala Likert 5 peringkat untuk menguji tahap kefahaman pelajar iaitu: Sangat Tidak Setuju – Tidak Setuju – Tidak Pasti – Setuju – Sangat Setuju. Manakala skala Likert 4 peringkat untuk menguji tahap pengamalan pelajar iaitu: Tidak Pernah – Kadang-Kadang – Kerap Kali – Setiap Kali.

Borang soal selidik diberikan kepada 75 orang responden yang sudi bekerjasama dengan pengkaji. Responden telah diberikan masa untuk menjawab semua soalan dalam borang soal selidik yang telah disediakan pengkaji. Setelah data dikumpulkan, pengkaji menggunakan perisian SPSS bagi memudahkan pengkaji mengeluarkan semua *output* dalam proses menganalisis data soal selidik. Huraian statistik deskriptif digunakan pengkaji untuk membuat kesimpulan berdasarkan data-data numerikal. Statistik deskriptif juga disebut sebagai statistik keperihalanan atau huraian digunakan bagi menghuraikan ciri-ciri sesuatu pemboleh ubah seperti sampel (Darusalam & Hussin, 2021). Tahap analisis dicapai apabila data yang diperolehi dipastikan, disunting dan ditukarkan kepada angka. Seterusnya, data yang telah dianalisis dipersembahkan dalam bentuk jadual.

Untuk mendapatkan data sekunder pula, pengkaji menggunakan kaedah analisis dokumen atau kajian kepustakaan untuk mendapatkan sebanyak mungkin dokumen, buku-buku tafsir al-Quran dan Hadis, kertas kerja, artikel jurnal, pangkalan data dan sebagainya. Selain itu, penyelidik juga mendapatkan maklumat dari laman sesawang (internet) bagi mendapatkan perincian tambahan dalam kajian ini. Data sekunder ini diperolehi khususnya untuk mendapatkan maklumat daripada kajian-kajian lepas bagi menyokong kajian pengkaji. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih populasi kajian daripada jumlah pelajar yang telah mengikuti kursus Fiqh al-Ibadat (SYI4063M) pada semester semasa sesi 2018/2019 di Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) iaitu seramai 94 orang. Sesi ini dipilih berdasarkan kepada kaedah pengajian asal bagi kursus ini secara bersemuka sebelum berlakunya pandemik Covid-19.

Dalam kaedah pensampelan kajian ini pula, pengkaji telah menggunakan pensampelan bertujuan dengan mengambil seramai 75 orang pelajar sebagai responden kajian yang mengikuti kursus Fiqh al-Ibadat (SYI4063M) pada semester semasa, sesi 2018/2019 di Fakulti Pengajian Islam & Sains Sosial (USAS). Sampel kajian ini adalah merujuk kepada jadual penentuan saiz sampel Krejcie & Morgan (1970). Adapun instrumen yang digunakan oleh pengkaji ialah soal selidik yang diedarkan kepada sampel kajian. Tujuan soal selidik ini digunakan bagi memudahkan pengkaji memungut data terhadap responden yang ada di merata tempat (Pratt, 1980). Seramai 75 orang responden dipilih secara bertujuan dalam mencapai matlamat kajian ini.

Menurut Ajzen (1991), terdapat dua jenis instrumen atau soal selidik samada yang dibina sendiri oleh pengkaji dan satu lagi yang diadaptasikan daripada pengkaji lain. Instrumen juga boleh diambil daripada kajian lampau yang telah sedia ada atau dibeli terus melalui internet ataupun dengan membina sendiri (Darusalam & Hussin, 2021). Oleh yang demikian, pengkaji telah memilih untuk menggunakan borang soal selidik yang pernah digunakan oleh pengkaji lepas iaitu Nur Faridah Abdullah@Zakaria dalam kajiannya bertajuk "*Amalan Solat Fardhu Murid Tahun Tiga di Sekolah Rendah*" (Zakaria, 2016). Soalan kaji selidik ini diadaptasikan daripada soalan-soalan berkaitan untuk mengetahui tahap kefahaman dan pengamalan Solat Fardu dalam kalangan pelajar USAS yang menjadi objektif utama dalam kajian ini.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Dalam subtopik ini, pengkaji menghuraikan dapatan kajian yang telah diperoleh daripada kajian yang telah dijalankan. Ia akan dimulai dengan hasil dapatan umum sebelum perbincangan dilakukan dengan lebih terperinci berkaitan hubungan tahap kefahaman dan pengamalan Solat Fardu dalam kalangan pelajar Universiti Sultan Azlan Shah (USAS). Oleh yang demikian, latar belakang responden dibincangkan mendahului dapatan umum dan dapatan khusus agar perbincangan kajian ini dapat dihuraikan dengan lebih baik.

Latar Belakang Responden

Bilangan responden yang terlibat dalam kajian ini ialah seramai 75 orang pelajar yang terdiri daripada 25.8% pelajar lelaki dan 74.2% orang pelajar perempuan. Dapatan menunjukkan bahawa responden yang berumur 18-20 tahun merupakan penyumbang terbesar dalam kajian ini iaitu seramai 49 orang. Kemudian penyumbang kedua terbesar dalam kajian ini pula ialah responden yang berumur 21-23 tahun iaitu seramai 17 orang. Manakala dapatan responden yang berumur 24-26 tahun pula merupakan penyumbang terkecil dalam kajian ini iaitu sebanyak 9 orang.

Dalam kajian ini juga, pengkaji telah menetapkan bahawa semua responden adalah beragama Islam dan menuntut di Universiti Sultan Azlan Shah (USAS). Responden yang dipilih oleh pengkaji ialah daripada pelajar-pelajar yang mengikuti kursus Fiqh al-Ibadat (SYI4063M) pada semester semasa bagi menguji hasil pembelajaran mereka dalam kursus ini. Responden ini juga rata-ratanya daripada semester pertama pengajian kerana kursus ini merupakan kursus wajib yang perlu dihabiskan pada semester pertama bagi memenuhi struktur auto pakej pengajian yang telah ditetapkan oleh Universiti Sultan Azlan Shah (USAS).

Dapatan Umum Terhadap Tahap Kefahaman dan Tahap Pengamalan Solat Fardu dalam kalangan Pelajar Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)

Hasil dapatan kajian ini adalah berdasarkan huraian statistik deskriptif terhadap dua konstruk yang dinilai iaitu tahap kefahaman dan tahap pengamalan Solat Fardu dalam kalangan pelajar. Kedua-dua konstruk ini dianalisis pengkaji berdasarkan pengelasan skor min seperti yang turut digunakan dalam kajian lepas oleh Nur Faridah Abdullah @ Zakaria (2016) dengan tajuk kajiannya ialah “*Amalan Solat Fardhu Murid Tahun Tiga di Sekolah Rendah*”. Berikut adalah pengelasan skor min yang digunakan pengkaji:

Jadual 1: Analisis Pengelasan Skor Min dan Tahap Penilaian

Bil.	Pengelasan Skor Min	Tahap Penilaian
1.	2.00 – 3.49	Rendah
2.	3.50 – 4.09	Sederhana
3.	4.10 – 5.00	Tinggi

Daripada analisis pengelasan skor min dan tahap penilaian seperti yang telah dinyatakan oleh pengkaji dalam Jadual 1 di atas, ia menunjukkan bahawa skor min 2.00 hingga 3.49 dikelaskan sebagai tahap rendah. Adapun skor min 3.50 hingga 4.09 adalah Sederhana dan skor min 4.10 hingga 5.00 dikelaskan sebagai Tinggi. Daripada jadual analisis pengelasan ini, berikut hasil dapatan umum terhadap dua konstruk yang dinilai bagi mengenal pasti tahap kefahaman dan pengamalan Solat Fardu dalam kalangan pelajar USAS:

Jadual 2: Hasil Dapatan Umum bagi Konstruk Tahap Kefahaman dan Tahap Pengamalan Solat Fardu dalam kalangan Pelajar USAS

Bil.	Konstruk	Min	S.P	Tahap
1.	Tahap Kefahaman	4.73	0.29	Tinggi
2.	Tahap Pengamalan	2.95	0.27	Rendah

Daripada jadual di atas, konstruk “Tahap Kefahaman” menunjukkan bacaan min pada tahap yang tinggi dengan 4.73 dan bacaan sisihan piawai ialah 0.29. Bacaan ini adalah lebih tinggi daripada konstruk “Tahap Pengamalan” yang mana hanya memperoleh bacaan min 2.95 sahaja iaitu berada pada tahap rendah dengan bacaan sisihan piawai 0.27. Berikut pengkaji memperincikan dapatan umum ini berdasarkan taburan bilangan, peratusan, bacaan min dan bacaan sisihan piawai bagi setiap kedua-dua kontrak ini:

Jadual 3: Hasil Dapatan Umum bagi Tahap Kefahaman Solat Fardu dalam kalangan Pelajar USAS

Bil.	Pernyataan	Konstruk 1: Tahap Kefahaman					Min	S.P
		Skala Likert						
		STS	TS	TP	S	SS		
1.	Solat dapat menghapuskan dosa yang dilakukan.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	11 (14.7%)	64 (85.3%)	4.71	0.65
2.	Saya merasa lebih dekat dengan Allah melalui solat.	0 (0%)	0 (0%)	1 (1.3%)	8 (10.7%)	66 (88.0%)	4.89	0.35

3.	Dengan mendirikan solat badan saya lebih sihat dan cergas.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	23 (30.7%)	52 (69.3%)	4.68	0.52
4.	Solat berjemaah dapat mengeratkan hubungan silaturrahim dalam kalangan mahasiswa.	0 (0%)	0 (0%)	1 (1.3%)	11 (14.7%)	63 (84.0%)	4.77	0.51
5.	Saya merasa berdosa sekiranya meninggalkan solat.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	6 (8.0%)	69 (92.0%)	4.88	0.33
6.	Solat dapat memberikan kesan yang positif kepada kesihatan saya.	0 (0%)	0 (0%)	3 (4.0%)	14 (18.7%)	58 (77.3%)	4.72	0.56
7.	Melalui solat menjadikan diri saya lebih bersemitatik dalam tugasan.	0 (0%)	0 (0%)	4 (5.3%)	20 (26.7%)	51 (68.0%)	4.61	0.61
8.	Solat dapat mendisiplinkan pengurusan masa saya.	0 (0%)	0 (0%)	2 (2.7%)	22 (29.3%)	51 (68.0%)	4.64	0.56
9.	Solat dapat mencegah diri saya dari melakukan maksiat.	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	13 (17.3%)	62 (82.7%)	4.83	0.42
10.	Melalui solat berjemaah, saya dapat mengenali rakan-rakan.	0 (0%)	0 (0%)	2 (2.7%)	34 (45.4%)	39 (52.0%)	4.48	0.62
Jumlah Keseluruhan							4.73	0.29

Jadual 3 di atas menunjukkan konstruk pertama bagi hasil dapatan umum terhadap tahap kefahaman Solat Fardu dalam kalangan pelajar USAS. Jumlah min bagi konstruk ini ialah 4.73 dengan bacaan sisihan piawai ialah 0.29. Ini menunjukkan bahawa tahap kefahaman pelajar USAS terhadap Solat Fardu berada pada aras tinggi berpandukan kepada skala analisis. Terdapat tiga item yang memperoleh bacaan min yang tinggi sekitar 4.83-4.89 bagi tahap kefahaman Solat Fardu dalam kalangan pelajar. Ketiga-tiga item itu ialah “saya merasai lebih dekat dengan Allah melalui solat” dengan bacaan min 4.89, item “saya merasa berdosa sekiranya meninggalkan solat” dengan 4.88 dan terakhir item “solat dapat mencegah diri saya dari melakukan maksiat” dengan bacaan min 4.83. Adapun item yang menunjukkan tahap kefahaman yang paling rendah dalam kalangan pelajar berkaitan Solat Fardu ini ialah item “melalui solat berjemaah, saya dapat mengenali rakan-rakan” dengan bacaan min hanya 4.48. Namun begitu bacaan ini masih berada pada tahap yang tinggi berdasarkan kepada skala analisis kajian.

Jadual 4: Hasil Dapatan Umum bagi Tahap Pengamalan Solat Fardu dalam kalangan Pelajar USAS

Bil.	Pernyataan	Konstruk 2: Tahap Pengamalan				Min	S.P
		Skala Likert					
		STS	TS	S	SS		
1.	Saya menunaikan Solat Maghrib.	0 (0%)	4 (5.3%)	8 (10.7%)	63 (84.0%)	3.79	0.53
2.	Saya menunaikan Solat Zohor.	0 (0%)	4 (5.3%)	10 (13.3%)	61 (81.3%)	3.76	0.54
3.	Saya menunaikan Solat Asar.	0 (0%)	4 (5.3%)	10 (13.3%)	61 (81.3%)	3.76	0.54
4.	Saya menunaikan Solat Isyak.	0 (0%)	4 (5.3%)	10 (13.3%)	61 (81.3%)	3.76	0.54
5.	Saya menunaikan Solat Subuh.	0 (0%)	8 (10.7%)	14 (18.7%)	53 (70.7%)	3.6	0.68
6.	Saya menunaikan Solat Jumaat atau Solat Sunat.	2 (2.7%)	37 (49.3%)	15 (20.0%)	21 (28.0%)	3.23	0.51
7.	Saya tidak Solat Subuh kerana bangun lewat atau tidak tahu membaca doa Qunut.	40 (53.3%)	25 (33.3%)	9 (12.0%)	1 (1.3%)	1.61	0.75
8.	Saya tidak menunaikan Solat Maghrib	54	17	4	0	1.33	0.58

	kerana sibuk dengan hal peribadi dan malas menunaikannya.	(72.0%)	(22.7%)	(5.3%)	(0%)		
9.	Saya tidak menunaikan Solat Maghrib dan Isyak kerana penat dan tidur awal.	56 (74.7%)	13 (17.3%)	6 (8.0%)	0 (0%)	1.33	0.62
10.	Saya tidak Solat Zohor sebelum ke kelas kerana tidak sempat.	52 (69.3%)	17 (22.7%)	6 (8.0%)	0 (0%)	1.39	0.63
Jumlah Keseluruhan						2.95	0.27

Jadual 4 di atas menunjukkan konstruk kedua bagi hasil dapatan umum terhadap tahap pengamalan Solat Fardu dalam kalangan pelajar USAS. Jumlah min bagi konstruk ini ialah 2.95 dengan bacaan sisihan piawai ialah 0.27. Ini menunjukkan bahawa tahap pengamalan pelajar USAS terhadap Solat Fardu berada pada aras rendah berpandukan kepada skala analisis. Rata-rata pelajar menunjukkan tahap pengamalan Solat Fardu yang lemah khususnya pada waktu Subuh dengan peratusan yang paling rendah dibandingkan dengan empat waktu yang lain. Adapun pada waktu Zohor, Maghrib, Asar dan Isyak dapatan menunjukkan pengamalannya sedikit tinggi namun masih terdapat pelajar-pelajar yang jarang menunaikannya. Selain itu juga, terdapat empat item bagi mengenal pasti alasan para pelajar tidak menunaikan Solat Fardu dan dapatan menunjukkan mereka seolah-olah tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut sekali gus menjadikan bacaan min berada pada aras yang rendah sekitar 1.33 hingga 1.61. Keempat-empat item tersebut ialah “Saya tidak Solat Subuh kerana bangun lewat atau tidak tahu membaca doa Qunut”, “Saya tidak menunaikan Solat Maghrib kerana sibuk dengan hal peribadi dan malas menunaikannya”, “Saya tidak menunaikan Solat Maghrib dan Isyak kerana penat dan tidur awal” dan “Saya tidak Solat Zohor sebelum ke kelas kerana tidak sempat”.

Hubungan Tahap Kefahaman dan Tahap Pengamalan Solat Fardu dalam kalangan Pelajar Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)

Daripada hasil dapatan umum dan dapatan khusus yang telah dihuraikan oleh pengkaji, dapat dirumuskan bahawa tahap kefahaman terhadap Solat Fardu dalam kalangan pelajar USAS adalah tidak selari dengan tahap pengamalannya. Ini kerana dapatan tahap kefahaman menunjukkan aras yang tinggi dengan bacaan min 4.73 dan sisihan piawai 0.29. Adapun dapatan bagi tahap pengamalannya pula adalah rendah dengan bacaan minnya 2.95 dan sisihan piawai ialah 0.27. Ini selari dengan dapatan kajian Hilmi Ismail (2010) yang menunjukkan bahawa mahasiswa TATiUC mempunyai pengetahuan asas Solat Fardu yang baik dengan 90% berbanding pengamalannya hanya 36% dari keseluruhan responden yang diuji. Ia turut disokong oleh kajian Hasna Bidin (2016) yang menyatakan bahawa pengetahuan pelajar yang tinggi tentang solat masih belum menghasilkan amalan solat yang konsisten. Kajian Nur Faridah Abdullah (2016) tidak terkecuali dalam menyatakan bahawa tahap pengamalan murid dalam melaksanakan solat masih sederhana dan kurang memuaskan dengan hanya memperoleh bacaan min 2.33 sahaja walaupun dapatan tahap pengetahuannya adalah tinggi dengan bacaan min 4.21.

Dalam konstruk tahap kefahaman pelajar terhadap Solat Fardu ini, terdapat dua item yang menunjukkan bahawa pelajar benar-benar menghayati pensyariatian solat iaitu pada item “saya merasai lebih dekat dengan Allah melalui solat” dan “saya merasa berdosa sekiranya meninggalkan solat”. Kedua-dua item ini memperoleh bacaan min sekitar 4.88-4.89 dan ia merupakan aras yang paling tinggi. Ini membuktikan bahawa para pelajar meyakini akan pensyariatian solat adalah dengan satu matlamat iaitu bagi mengesakan Allah SWT selaku tuhan sekalian alam. Mereka turut percaya dan beriman akan pembalasan tuhan ke atas mereka sekiranya meninggalkan solat dengan sengaja. Ini kerana solat merupakan tiang agama seperti mana dalam hadis Rasulullah bermaksud:

“Didirikan agama Islam itu atas lima perkara: Pengakuan bahawa tidak ada tuhan selain Allah dan Muhammad itu pesuruhnya, mendirikan solat, menunaikan zakat, melakukan haji di Baitullah dan berpuasa dalam bulan Ramadhan” (HR: Bukhari: 8 & Muslim: 16).

Selain itu juga, item “solat dapat mencegah diri saya dari melakukan maksiat” turut memperoleh bacaan min atas 4.8 jika dibandingkan dengan item-item yang lain. Ini menunjukkan bahawa para pelajar mengakui bahawa solat itu mampu menghalang mereka dari melakukan perkara-perkara mungkar dan ia sangat bertepatan dengan dalil yang terdapat di dalam al-Quran yang bermaksud:

“Bacalah apa yang telah diwahyukan (Allah) kepadamu, iaitu al-Kitab (al-Quran) dan dirikanlah solat. Sesungguhnya solat itu mencegah dari (perbuatan-perbuatan) keji dan mungkar. Dan sesungguhnya mengingat Allah (solat) adalah lebih besar (keutamaannya dari ibadat-ibadat yang lain). Dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan”. (Q.S: 29:45)

Item bagi tahap kefahaman yang menunjukkan para pelajar kurang memahami akan penghayatan solat ialah berkaitan dengan “solat berjemaah dapat mengenali rakan-rakan”. Ini berkemungkinan bahawa pelajar kurang melakukan solat berjemaah dan sekali gus menyukarkan mereka mengenali rakan-rakan yang turut berada dalam jemaah. Tambahan lagi berkemungkinan rakan-rakan mereka juga turut tidak mengimarahkan solat berjemaah. Sesungguhnya solat berjemaah itu adalah lebih afdal dari solat bersendirian kerana ia bertepatan dengan hadis Rasulullah yang bermaksud:

“Solat berjemaah adalah lebih afdal dari solat bersendirian dengan dua puluh tujuh darjat” (HR: Bukhari: 645 & Muslim: 650)

Dalam konstruk tahap pengamalan pelajar terhadap Solat Fardu pula, rata-rata pelajar kurang melakukan Solat Subuh dengan hampir separuh daripada jumlah sampel yang bersetuju. Apatah lagi solat sunat dan Solat Jumaat yang mewajibkan mereka untuk pergi menunaikannya di masjid. Dapatan menunjukkan lebih daripada separuh sampel tidak menunaikan Solat Jumaat dengan 28% sahaja yang kerap menunaikannya dan bakinya hanya kadang-kadang dan langsung tidak menunaikannya. Solat Jumaat merupakan kewajipan bagi semua umat Islam yang telah baligh tanpa keuzuran syar'i. Ini bertepatan dengan firman Allah yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman. Apabila diserukan azan untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang Jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli (pada saat itu), yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya).” (Q.S: 62: 9)

Dalil ini turut disokong oleh hadis Rasulullah yang bermaksud:

“Kita adalah umat yang terakhir (lahir ke dunia) dan umat yang terdahulu (menikmati kelebihan, ganjaran dan masuk syurga) pada hari kiamat walaupun mereka (umat terdahulu) diberikan kitab (syariat samawi) sebelum kita. Hari Jumaat ialah hari yang telah difardukan atas mereka (untuk mendampingi diri kepada Allah) tetapi mereka telah mempertikaikannya. Lalu Allah memberi petunjuk kepada kita sedangkan mereka menerima hari-hari berikutnya, iaitu Yahudi pada hari Sabtu dan Nasrani pula pada hari Ahad.” (HR: Bukhari: 836 & Muslim: 855)

Dapatan turut menunjukkan bahawa pengamalan Solat Fardu dalam kalangan pelajar bagi solat-solat Fardu yang lain hanyalah pada tahap sederhana sahaja dengan hampir 50% sahaja yang kerap menunaikannya. Adapun soalan-soalan bagi mengenal pasti alasan tidak menunaikan solat yang ditanya oleh pengkaji dalam soal selidik tidaklah dijawab dengan baik oleh sampel kajian memandangkan mereka hanya meletakkan jawapan “Tidak Pasti” sahaja. Ini berkemungkinan mereka mempunyai alasan lain untuk tidak menunaikan Solat Fardu. Sesungguhnya meninggalkan Solat Fardu adalah berdosa dan jika terlupa sekalipun ia mesti diganti. Ini bertepatan dengan hadis Rasulullah bermaksud:

“Sesiapa yang terlupa solat, maka hendaklah dia menunaikannya apabila dia teringat akannya. Tidak ada kafarah untuknya melainkan hal tersebut”. (HR: Bukhari: 597 & Muslim: 684).

Adapun bagi mereka yang meninggalkan solat dengan sengaja yakni kerana mengingkari kewajibannya, maka kafirlah dia dan terkeluar daripada agama Islam. Manakala bagi mereka yang meninggalkan solat atas sebab malas atau melengah-lengahkannya, maka dia mendapat dosa dan hendaklah dia mengqada ia (menggantikannya) semula (Al-Bugha, 1992). Menurut al-Qurtubi juga bahawa perbuatan meninggalkan solat dengan sengaja termasuk dalam dosa-dosa besar (Al-Qurtubi, 2009). Atas dasar itulah pensyariatan Solat Fardu ini amat dituntut oleh seluruh umat Islam di samping amalannya mampu menghapuskan dosa-dosa kecil seperti mana dalam hadis Rasulullah yang bermaksud:

“Solat lima waktu, dari (solat) Jumaat ke (solat) Jumaat yang lain dan dari (puasa) Ramadhan ke (puasa) Ramadhan yang lain adalah penghapus dosa-dosa kecil di antara waktu-waktu tersebut selama tidak melakukan dosa besar”. (HR: Muslim: 233)

Oleh yang demikian, para pelajar adalah wajib melakukan Solat Fardu sekiranya terkeluar dari uzur syar'i agar ia selari dengan tahap kefahaman yang telah dipelajari di dalam kelas. Ini kerana tahap kefahaman yang tinggi dalam penghayatan solat tanpa mempraktikkannya adalah satu perkara yang sia-sia sebagai orang yang beragama Islam. Apatah lagi pelajar-pelajar yang diuji dalam kajian ini adalah daripada pelajar yang berada dalam bidang Pengajian Islam.

KESIMPULAN

Secara tuntasnya, hasil pembelajaran kursus bagi kursus Fiqh al-Ibadat (SYI4063M) yang dipelajari oleh para pelajar USAS pada awal semester adalah menunjukkan tahap kefahaman yang tinggi khususnya dalam bab Solat Fardu. Bacaan min yang diperoleh adalah 4.73 dengan sisihan piawai ialah 0.29. Namun begitu, tahap pengamalannya tidak menunjukkan keselarian pada aras analisis skala apabila bacaan minnya hanya berada pada tahap yang rendah iaitu 2.95 dengan bacaan sisihan piawai ialah 0.27. Oleh yang demikian, dapat difahami bahawa tahap pengamalan Solat Fardu dalam kalangan pelajar USAS adalah tidak membuktikan tahap kefahaman mereka kepada kursus Fiqh al-Ibadat yang dipelajari di dalam kelas.

Daripada hasil dapatan kajian yang diperoleh pengkaji ini, dapat pengkaji mencadangkan beberapa garis panduan bagi meningkatkan tahap pengamalan Solat Fardu dalam kalangan para pelajar:

1. Pemurnian silibus kursus bagi kursus Fiqh al-Ibadat (SYI4063M) perlulah dilakukan dengan mengambil kira pengaplikasiannya dalam kehidupan pelajar.
2. Tajuk “Kepentingan Solat Berjemaah” dalam silibus perlulah diberikan perhatian yang lebih bagi memastikan para pelajar terdedah dengan kelebihannya di dunia dan di akhirat.

3. Pemantauan Solat Fardu daripada pihak universiti khususnya kepada Biro Penginapan Pelajar adalah wajar dipertingkatkan bagi memastikan para pelajar sentiasa cakna dengan Solat Fardu termasuklah Solat Jumaat.

Kajian-kajian akan datang khususnya dalam meningkatkan pengamalan Solat Fardu dalam kalangan pelajar adalah wajar dijadikan isu kajian. Ia juga merupakan sebahagian daripada Fardu Kifayah sebagai seorang muslim dalam memastikan masyarakat Islam tidak meninggalkan Solat Fardu sewenangnya tanpa uzur syar'i. Moga-moga kajian ini dapat mempertingkatkan lagi tahap kefahaman dan pengamalan Solat Fardu dalam kalangan para pelajar USAS pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Ab. Ghani, A. (2004). *Konsep dan Pengamalan Solat*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Abdullah, N. (2016). *Amalan Solat Fardhu Murid Tahun Tiga di Sekolah Rendah*. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Abu, S. (2012). Pengamalan Solat Fardhu dalam Kalangan Pelajar Politeknik Kuching, Sarawak. *International Seminar on Research in Islamic Studies II (ISRIS)*. Kuala Lumpur.
- Abu, S. (2012). *Pengamalan Solat Fardhu dalam Kalangan Pelajar Politeknik Kuching, Sarawak*. Jabatan Pengajian Am. Politeknik Kuching Sarawak.
- Ahmad, S., Don, Y., Wan Abdullah, W., Ibrahim, M., & Mat Hussain, S. (2014). Penghayatan Solat dan Pengimarahannya Masjid: Kajian dalam Kalangan Pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM). *2nd International Conference on Social Sciences Research (ICSSR)*. Kuala Lumpur.
- Ajzen, I. (1991). The Theory of Planned Behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*.
- al-Khin, M., al-Bugha, M., & al-Sharbiji, ' (1992). *Al-Fiqh al-Manhaji* (ed. Keempat). Damsyik: Dar al-Qalam.
- al-Qurtubi, M. I. (1964). *Tafsir al-Qurtubi* (ed. Kedua). (A. al-Barduni, & I. Atfish, Ed.) Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- Bidin, H. (2016). *Pelaksanaan Solat dalam Kalangan Pelajar Muslim di Kolej Komuniti Negeri Johor*. Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Darusalam, G., & Hussin, S. (2021). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan* (ed. Ketiga). Penerbitan Universiti Malaya.
- Humni, N., Sabar, S., Khalid, M., & Razi, M. (2004). Pelaksanaan Ibadat Solat dalam kalangan Guru Pelatih Islam Maktab Perguruan Batu Lintang. *Jurnal Pendidikan MPBL*, 5.
- Ibrahim, S., Othman, N., & Yama, P. (2016). Penghayatan dan Pelaksanaan Solat Berjemaah dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Islam. *International Conference on Aqidah, Dakwah and Syariah (IRSYAD)*.

- Ismail, H. (2010). *Pengamalan Solat Fardhu dalam kalangan Mahasiswa di TATi University College (TATiUC), Kemaman, Terengganu*. Akademi Pengajian Islam, Jabatan Fiqh dan Usul. Universiti Malaya (UM).
- Krejcie, & Morgan. (1970). *Determining Sample Saiz for Research Activities: Educational and Psychological Measurement*. Didapatkan dari https://home.kku.ac.th/sompong/guest_speaker/KrejcieandMorgan_article.pdf
- Maxwell, J. (1996). *Qualitative Research Design: An Interative Approach*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Pratt. (1980). *Curriculum Design and Development. International Edition*. USA: Halcourt Brace Jovonarich.
- Sulaiman, S., Omar, R., Pilus, M., & Zainal, A. (2013). *Kefahaman, Pelaksanaan dan Penghayatan Solat Bakal Guru*. Kolej Islam Sultan Alam Shah.